





وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمَ شَعِيرَ اللَّهِ  
فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ .

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### Muslimin Dan Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah SWT pada hari yang barakah ini. Kita dapat menunaikan solat Idul Adha secara berjemaah. Mudah-mudahan kita semua mendapat rahmat daripada Allah SWT, seterusnya kekal menjadi orang yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah "**Idul Adha : Penghayatan Korban**".



## Muslimin Dan Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,

Sejarah permulaan umat Islam merayakan sambutan Idul Adha ialah sebelum kedatangan Islam. Telah menjadi kelaziman warga Madinah merayakan hari kebesaran dua kali setiap tahun. Mereka merayakannya dengan pelbagai permainan, hiburan dan persembahan dengan penuh kegembiraan.

Apabila Rasulullah S.A.W. berhijrah ke Madinah, Baginda telah menukar perayaan-perayaan tersebut dengan dua hari raya iaitu Idul Fitri dan Idul Adha.

Hadis daripada Anas R.A bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:-

قَدْ أَبَدَلَكُمْ اللَّهُ بِهِمَا خَيْرًا مِنْهُمَا، يَوْمَ  
الْأَضْحَى وَيَوْمَ الْفِطْرِ.

*"Sesungguhnya Allah telah menukarkan untuk kamu dua hari raya yang ada itu dengan dua hari raya yang lebih baik iaitu Hari Raya Korban dan Hari Raya Fitrah".*  
(Riwayat Abu Daud)

## Muslimin Dan Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,

Apakah pengisian hari raya yang dianjurkan oleh Allah? Adakah sama dengan hari raya penduduk Madinah sebelum Islam? Jawabnya



tidak sama. Hari raya Islam disambut dengan takbir dan puji-pujian kepada Allah SWT.

Rasulullah S.A.W. bersabda:

زِينُوا أَعْيَادَكُمْ بِالتَّكْبِيرِ وَالتَّهْلِيلِ وَالتَّحْمِيدِ  
وَالتَّقْدِيسِ.

*"Hiasilah hari raya kamu dengan takbir, tahlil, tahmid dan taqdis".*

*(Hadis riwayat at Tabrani)*

Oleh itu, jika hari raya tidak dihiasi dengan takbir, memuji dan membesarkan Allah, maka ertinya bukanlah kita menyambut hari raya sebagaimana yang disyariatkan oleh Islam.

Idul Adha yang disebut hari raya korban, mengajak kita mengenang kembali suatu bentuk ketaatan, kepatuhan manusia terhadap Allah SWT, sebagaimana yang dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim, Nabi Ismail dan Siti Hajar. Nabi Ibrahim a.s. rela meninggalkan anak dan isteri di padang sahrak yang tandus. Siti Hajar rela ditinggalkan bersendirian tanpa teman dan bekalan makanan yang mencukupi. Kerana kepatuhan dan ketaatanlah Nabi Ibrahim rela menyembelih anak kandungnya yang tunggal. Sedang Ismail a.s. sanggup menyerahkan lehernya untuk disembelih ayahnya. Setelah nyata ketaatan dan pengorbanan Nabi Ibrahim melalui ujian tersebut, maka Allah gantikan anaknya dengan seekor kibas untuk disembelih. Maka selamat dan sejahteralah keduanya setelah lulus ujian yang sangat getir itu.



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### Muslimin Dan Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,

Perjuangan dan pengorbanan adalah satu istilah yang mempunyai erti yang luas. Ibnu Abbas R.A. menerangkan bahawa;

*"Perjuangan dan pengorbanan ialah menyumbangkan seluruh tenaga dan melakukan segala usaha mengalahkan musuh dalam segala bentuk. Bermula daripada perjuangan melawan serangan musuh bagi mempertahankan negara, nyawa dan agamanya sehinggalah kepada perjuangan serta pengorbanan melawan runtunan hawa nafsu dan hasutan syaitan".*

Penyembelihan binatang korban menjadi syariat Islam yang abadi dan tidak akan putus sehinga hari kiamat dengan ganjaran pahala yang besar. Rasulullah S.A.W. bersabda;

الأُضْحِيَّةُ لِصَاحِبِهَا بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةٍ.

*"Korban itu untuk yang melakukannya akan dibalas Allah dengan pahala setiap helai bulunya satu kebaikan".*

(Riwayat Ibnu Majah)

Menyembelih binatang korban pada Hari Raya Idul Adha mengandungi dua aspek, iaitu:-



1. Aspek ubudiah (peribadatan)

laitu untuk berbakti dan mendekatkan diri kepada Allah SWT, sesuai dengan perkataan korban itu berasal 'quraba' yang bererti mendekatkan diri (kepada Allah). Sebagai imbalan pendekatan itu, Allah mendekati pula kepada orang yang berkorban, dengan melipat gandakan pahalanya untuk bekalan hari akhirat.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:-

*"Bahawa haiwan korban itu tanduknya, bulunya akan menjadi amal kebaikan yang diterima di hari akhirat nanti".*

2. Aspek kemasyarakatan

Dengan melakukan korban dan membahagi-bahagikan daging sembelihan itu, akan suburlah jiwa melahirkan kemesraan sesama umat manusia, di mana kaum yang kurang bernasib baik akan merasa nikmat daripada daging korban yang diterimanya. Dengan cara itu akan terciptalah keharmonian sosial dalam masyarakat.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**Muslimin Dan Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,**

Sesungguhnya hari raya korban adalah hari yang penuh dengan nilai-nilai perjuangan dan pengorbanan. Maka dengan hadirnya Idul Adha setiap tahun akan mengingatkan kita kebesaran nilai-nilai ajaran Allah. Kerelaan berkorban yang telah ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim itu



hendaklah kita terapkan dalam semua aspek kehidupan. Kita hendaklah berani mengorbankan kepentingan peribadi, kepentingan keluarga, kepentingan puak, golongan dan organisasi, demi untuk kepentingan agama, masyarakat dan negara. Tanpa adanya kesediaan untuk berkorban, janganlah diharapkan datangnya kejayaan, kebahagiaan, berkembangnya syiar agama dan masyarakat yang makmur serta mendapat keampunan Allah.

Umat Islam hendaklah sedar bahawa ujian Allah kepada kita datang bertubi-tubi, ianya tidak mengenal ruang tempat dan waktu. Ujian menimpa umat Islam dengan nyata dan tidak dapat dielakkan.

Firman Allah SWT dalam surah al-'Ankabut ayat 2;

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾

*"Apakah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata, "Kami beriman," sedangkan mereka belum diuji (bagi membuktikan keimanan mereka)".*

Antara ujian yang kita hadapi:-

1. Ujian dari dalam, iaitu kegagalan kita mewujudkan kesatuan umat yang berpegang teguh kepada syariat Allah. Kalaupun tidak dikatakan pecah, namun keadaan menunjukkan ke arah jalan persimpangan. Oleh itu, umat Islam hendaklah bersatu dalam satu bentuk keluarga besar di bawah lembayung Islam.



Kita tidak sepatutnya berpuak-puak dan berpecah-belah, kerana hal yang demikian akan melemah dan merugikan umat Islam.

2. Ujian dari luar ialah ujian dan cabaran daripada golongan anti agama Islam dengan mempersendakan agama kita. Mereka yang memusuhi Islam itu telah meletakkan dasar perjuangannya untuk menghancurkan umat Islam sejak dahulu lagi, terutama umat Islam yang dianggap sebagai penghalang cita-cita mereka membentuk masyarakat yang dipandu oleh fikiran manusia tanpa adanya Tuhan. Mereka menggunakan pelbagai cara dan taktik strategi bagi menghalalkan semua cara untuk mencapai tujuannya.

Oleh itu, kita mesti bersatu dan berkorban apa sahaja bagi mempertahankan agama kita daripada diancam dan diserang oleh musuh Islam. Sikap berdiam diri melihat musuh Islam menghina agama, mencaci keagungan Al-Quran dan merendah-rendahkan Nabi kita, boleh dianggap sebagai redha dengan perbuatan musuh kita. Berdiam diri boleh diertikan bahawa umat Islam sebagai golongan pengecut, bacul, lemah dan boleh diperkotak-katikkan. Sifat inilah yang disukai oleh musuh-musuh kita. Apakah kita rela dilabel dengan sifat-sifat negatif ini? Tentu tidak.

Pengorbanan untuk memelihara keluarga agar menjadi keluarga yang soleh dan berguna pada agama, bangsa dan negara, merupakan satu pengorbanan yang wajib kita lakukan. Ini kerana pergolakan dan permasalahan rumahtangga di kalangan sebahagian keluarga muslim dewasa ini amat ketara. Anak-anak ponteng sekolah dan ada juga yang lari dari rumah. Selain itu juga, gejala ketagihan berjudi, minum arak,







لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا  
مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

*"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan (mendermakan) sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Sesuatu apa jua yang kamu nafkah, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya".*

Persoalan yang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini dapat diselesaikan jika kita bersatu menghidupkan semangat korban untuk mewujudkan kesatuan umat yang teguh dan kuat, berani menghadapi risiko demi untuk keutuhan umat dan menegakkan kalimah Allah.

Rela mengorbankan keangkuhan diri dengan mendahulukan kepentingan agama dan ummah daripada kepentingan diri sendiri. Jika penghayatan korban itu telah benar-benar hidup di dalam diri setiap muslim, maka ujian yang lebih hebat akan dapat diselesaikan dan diatasi.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ.

### **Muslimin dan muslimat yang dikasihi sekalian,**

Perbezaan pendapat dan perselisihan faham antara kita dalam masalah furu' dan ijthadiyah adalah satu perkara yang tidak mustahil berlaku. Rasulullah s.a.w. sendiri telah mengingatkan bahawa perbezaan pendapat adalah satu rahmat. Perbezaan pendapat ini terbatas daripada



segi pemikiran dan akal, sedang hati tetap satu kerana dipandu oleh aqidah dan syariah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### Muslimin dan muslimat yang dikasihi sekalian,

Marilah kita tingkatkan amal kebajikan, dan kerelaan berkorban untuk kepentingan agama serta masyarakat sebagai bukti semakin meningkatnya iman dan taqwa kita kepada Allah SWT.

Marilah kita terus berkorban demi menyelamatkan diri, keluarga dan masyarakat kita daripada seksaan Allah di akhirat kelak. Semoga Allah memberi kekuatan untuk kita semua dan istiqamah di atas keyakinan bahawa kehidupan ini memerlukan perjuangan, pengorbanan dan kesabaran.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا  
النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا  
يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

*"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarnya ialah manusia dan batu (berhala). Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-*



malaikat yang keras kasar (layanannya). Mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”.

(At-Tahrim : 6)

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّيِّبِينَ  
الطَّاهِرِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.



## Muslimin Dan Muslimat Yang Dirahmati Allah,

Pada saat ini umat Islam yang menunaikan ibadah haji mula sampai di Mina, setelah wuquf di 'Arafah dan bermalam di Muzdalifah. Mereka yang datang daripada pelbagai pelosok dunia itu, akan melontar batu pula di Jamratul 'Aqabah, seterusnya akan melontar di tiga Jamrah (Ula, al-Wusta dan al-'Aqabah) pada hari-hari Tasyrik.

Selepas itu, mereka akan ke Mekah untuk menyempurnakan ibadah haji mereka. Apa yang penting daripada ibadah haji, bukan berapa kali seseorang itu menunaikannya, tetapi yang amat penting ibadah haji yang dilakukan itu dapat membentuk perilaku dan sahsiah seseorang menurut syariat Islam. Itulah ukuran mereka yang layak memperoleh haji yang mabrur.

Sabda Rasulullah S.A.W.:

الْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ.

*"Haji yang mabrur itu tidak lain balasannya, melainkan balasan syurga".*  
(Riwayat At-Tirmidzi)

## Muslimin Dan Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,

Pelaksanaan ibadah haji mengandungi beberapa pengajaran yang amat penting dan perlu dihayati, antaranya:-



1. Pentingnya ketaqwaan dan ketaatan yang tinggi kepada Allah SWT.
2. Pentingnya perasaan kasih sayang, saling hormat-menghormati, hubungan persaudaraan atau ukhuwwah islamiah dan jemaah yang padu.
3. Pentingnya menghilangkan sifat angkuh dan rasa besar diri atau takbur, sebab pada hakikatnya semua manusia adalah sama di sisi Allah SWT.
4. Pentingnya kesedaran untuk rela berkorban.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ





الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ انصُرْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ  
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ  
وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ  
الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ،  
تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ



ادريس شاه الحاج في أمن وصلاح وعافية  
بمنك وكرمك يا ذا الجلال والإكرام.

Ya Allah, pada hari yang berkat ini kami memohon taufiq dan hidayahMu, kepada seluruh muslimin dan muslimat, kepada pemimpin-pemimpin kami serta para hujjaj yang menunaikan haji pada tahun ini.

Jadikanlah kami semua yang hadir dan yang mendengar khutbah ini menjadi hambaMu yang beriman dan beramal soleh sehingga ke akhir hayat kami.

Ya Allah, kami mohon supaya Engkau terimalah ibadah korban yang kami lakukan pada tahun ini. Jadikanlah darah, tanduk dan bulu-bulunya sebagai kebajikan yang akan diperhitungkan dalam timbangan amal kami di hari akhirat kelak.

اللَّهُمَّ بِحَقِّ الْيَوْمِ الْمُبَارَكِ، نَسْأَلُكَ أَنْ  
تَغْفِرَ لَنَا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. دَعَوَاهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ



اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتِهِمْ فِيهَا سَلَامٌ وَعَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ.